



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 52/2011 (25 hingga 31 Disember 2011)

Pada minggu ke 52 bagi tempoh 25 hingga 31 Disember iaitu minggu terakhir tahun 2011, sejumlah 350 kes demam denggi telah dilaporkan, berbanding 429 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Terdapat empat (4) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Labuan yang meningkat sebanyak 5 kes (500%), Kelantan 5 kes (31%), Terengganu 2 kes (15%) dan P.Pinang meningkat sebanyak 2 kes (9%).

Pada sepanjang tahun 2011, sebanyak 19,884 kes dilaporkan berbanding 46,171 kes pada tahun 2010. Sebanyak 36 kematian akibat demam denggi juga dilaporkan bagi tempoh yang sama, berbanding 134 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 58 lokaliti wabak denggi di 15 buah daerah dipantau di seluruh negara, berbanding 90 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat dua (2) lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas yang melibatkan 20 kes demam denggi iaitu Vista Angkasa di zon Klang Lama, WP Kuala Lumpur dan Kem PGA Batu 7 Cheras, daerah Hulu Langat, Selangor (Lampiran B).

Pada tahun 2011, sebanyak 2,190 program COMBI telah dilaksanakan diseluruh negara berbanding 1,625 Program COMBI pada

tahun 2010. Peningkatan jumlah Program COMBI ini jelas menunjukkan bahawa peningkatan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan denggi. Peranan masyarakat dalam mengurangkan tempat-tempat pembiakan Aedes, memberi implikasi sehingga dapat mengurangkan kes melebihi 50% tahun lepas.

Sempena tahun baru 2012, masyarakat diseru supaya lebih menumpukan usaha meningkatkan kebersihan persekitaran kediaman rumah, tempat kerja serta institusi pembelajaran dengan melaksanakan aktiviti mengurangkan tempat-tempat pembiakan Aedes. Kerjasama bersepadu di antara agensi-agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan masyarakat setempat dalam membanteras demam denggi perlu memandangkan sebaran penyakit ini tidak mempunyai batas sempadan dan natijah yang dihadapi oleh pesakit yang menghidapnya juga boleh sehingga menyebabkan kematian.

Hasil pemantauan KKM di sepanjang tahun 2011 mendapati 90% tempat-tempat pembiakan Aedes dijumpai di luar rumah berbanding dengan tahun sebelumnya di mana sebanyak 70% daripada pembiakan dijumpai di dalam atau di sekitar rumah. Peningkatan tempat pembiakan diluar rumah ini, memerlukan masyarakat agar lebih aktif turut serta dalam aktiviti gotong-royong dan membersihkan persekitaran rumah mereka. Bagi negeri-negeri yang mengalami banjir, juga dinasihatkan agar melaksanakan gotong-royong bagi memastikan takungan atau bekas yang menakung air, tidak menjadi tempat pembiakan Aedes.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

1 Januari 2012

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 52/2011  
(24 hingga 31 Disember 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 52/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 52/2010
		Minggu 52 (25 – 31 Dis 2011)	Minggu 51 (18 – 24 Dis 2011)		
1	Perlis	2	3	110	215
2	Kedah	7	11	514	782 (3)
3	P. Pinang	24	22	1,579 (3)	1,834 (7)
4	Perak	24	33	1,411 (2)	2,288 (6)
5	Selangor	151	194	7,758 (14)	16,367 (45)
6	WPKL & Putrajaya	33	39	2,038 (2)	4,205 (6)
7	N. Sembilan	5	10	737 (3)	1,501 (7)
8	Melaka	7	16	450	1,485 (12)
9	Johor	26	32	1,583 (7)	4,406 (12)
10	Pahang	10	15	894 (1)	1,688 (5)
11	Terengganu	15	13	675 (1)	1,472 (3)
12	Kelantan	21	16	743 (1)	3,578 (11)
13	Sarawak	16	18	974	4,240 (14)
14	Sabah	4	7	402 (2)	2,091 (3)
15	WP Labuan	5	0	16	19
	<b>MALAYSIA</b>	<b>350</b>	<b>429</b>	<b>19,884 (36)</b>	<b>46,171 (134)</b>

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 52  
BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	11	53
2	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA Batu 7 Cheras	9	31